



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 IPOH ,PERAK

Telefon: 605-5297444
Faks: 605-526 5203
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: pgrsn_prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/CPT:300(S)-4/1/12 (5)
Tarikh : 22 Mei 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SATU UNIT *FLOATING DOCK* (BBP SERI MANJUNG) DI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas .

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak akan melupuskan satu (1) unit *Floating Dock* (BBP Seri Manjung) dengan **Kaedah Pelupusan Jualan Sisa Secara Sebut Harga** tertakluk kepada syarat-syarat serta mematuhi semua peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini ingin mempelawa Tuan untuk menyertai pelawaan tersebut dengan mendapatkan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28) mulai 23 Mei 2023 (Selasa) dan menghantar tawaran sebut harga sebelum atau pada **Tarikh Tutup Iklan iaitu 14 Jun 2023 (Rabu)** seperti di alamat:-

Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak,
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak.
(u.p: Bahagian Pengurusan)

4. Borang sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar menggunakan sampul surat berlakri di tanda No. Sebut Harga : JBPM/PRK/PK/2(2023). Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut Tuan boleh menghubungi **Pn. Sharina Bt Mohd Shapiee sambungan 2015** atau melalui e-mel di alamat pgrsn_prk@bomba.gov.my .

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216



PEMENANG ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

No.Rujukan: JBPM/PK/CPT:300(S)-4/1/12 (5)

5. Bersama-sama ini disertakan maklumat, Kenyataan Tawaran Sebut Harga (KEW.PA-27) dan salinan gambar aset alih kerajaan tersebut untuk makluman dan rujukan Tuan selanjutnya.

Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Lokasi Semasa
<i>Boat Elevator Floating Dock</i> (BBP Seri Manjung)	1	RM 9,500.00	BBP Seri Manjung


Kerjasama Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPjB AZMI BIN OSMAN)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak

No. Sebut Harga: JBPM/PRK/PK/2(2023)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset alih kerajaan seperti berikut:

Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Lokasi Semasa
Boat Elevator Floating Dock (BBP Seri Manjung)	1	RM 9,500.00	BBP Seri Manjung

2. Aset boleh dilihat pada 1 Jun 2023 dan 2 Jun 2023 (Khamis dan Jumaat) jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut Tuan boleh menghubungi PKPgB Suhaimy Bin Mohd Suhail terlebih dahulu di talian telefon 05-688 4444.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga: **JBPM/PRK/PK/2(2023)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

PENGARAH**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK (u.p: BAHAGIAN PENGURUSAN)**

5. Tarikh tutup sebut harga pada 14 Jun 2023 (Rabu) pada jam 12.00 tengah hari. Penghantaran tawaran sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.


AZMI BIN OSMAN
Pengarah
(Tandatangan Ketua Jabatan)
Negeri Perak Darul Ridzuan
Alamat:

Tarikh Iklan : 22 Mei 2023

Cap Jabatan:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual berdasarkan tawaran yang tertinggi.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Resit Asal bagi deposit sebut harga akan dikeluarkan oleh Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak kepada penyebut harga.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dengan harga yang tidak diselaraskan dengan deposit sebut harga (kerana aset tidak wujud di dalam sistem 1GFMAS) dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Syarikat tempatan perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai Kod Bidang 221902- Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit). Syarikat juga dikehendaki untuk melampirkan Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang mempunyai tempoh sah laku yang masih sah.

11. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Pewujudan/ Kemaskini Data Induk Pelanggan Aset bersama Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
12. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.
13. Pemulangan deposit hanya akan diberikan kepada penyebut harga yang mengemukakan **Resit Asal** deposit tersebut kepada Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak.
14. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.
15. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web <https://www.bomba.gov.my/jbpm-negeri-perak/>.

PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK

FLOATING DOCK



Gambar satu unit Floating Dock yang berada di Balai Bomba Dan Penyelamat Seri Manjung


AZMI BIN OSMAN
Pengerah
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Negeri Perak Darul Ridzuan